

05 AUG 2003

Sukan-Selat Inggeris (reviu)

ABDUL MALIK MYDIN KEBANGGAAN NEGARA

Oleh: Asan Ahmad

DOVER (England), 5 Ogos (Bernama) -- "Kalau kail panjang sejengkal, lautan dalam jangan diduga" -- tetapi perumpamaan itu bukan untuk perenang marathon Malaysia Abdul Malik Mydin yang telah membuktikan bahawa beliau mampu menduga selat yang paling mencabar di dunia -- Selat Inggeris.

Selat yang memisahkan negara Perancis dengan England itu telah ditawan oleh anak kelahiran Pulau Pinang dalam masa 17 jam 35 minit, sekali gus membuktikan kepada dunia bahawa bangsa yang dulunya dianggap kerdil kini berupaya mengatasi cabaran di luar kemampuan mereka.

Ia juga membuktikan bahawa rakyat Malaysia kini sudah mampu bersaing untuk meletakkan diri mereka setanding dengan rakyat negara maju, yang penting harus ada keyakinan dan semangat juang yang tinggi.

Apa yang telah dibuktikan oleh Malik menceritakan segalanya, malah telah hampir melengkapkan kemampuan Malaysia untuk berdiri megah di peta dunia.

Ini merupakan acara luar biasa kelima yang berjaya diatasi oleh anak Malaysia yang sebelum ini telah dibanggakan dengan pendakian gunung Everest diikuti dengan pelayaran mengelilingi dunia secara solo oleh Datuk Azhar Mansor menggunakan kapal layar Jalur Gemilang.

Selepas itu, Malaysia terus dibanggakan dengan keupayaan Datuk Hassan Nawawi yang mengelilingi dunia menggunakan basikal dan seterusnya melalui penerjunan oleh sekumpulan anak Malaysia di kutub utara.

Kejayaan-kejayaan ini seharusnya menjadi "role model" kepada seluruh rakyat Malaysia terutama ke arah menanam semangat perjuangan dan keyakinan diri.

Sebenarnya, kejayaan Malik menawan Selat Inggeris ini merupakan hadiah paling berharga kepada negara yang akan menyambut hari kebangsaan ke 46 pada 31 Ogos ini.

Ia pencapaian simbolik yang menunjukkan bangsa yang dulunya pernah dijajah kini berupaya menawan selat milik bekas penjajah.

Segala-galanya sudah dibuktikan dan semua pencapaian yang telah dibuktikan ini harus dihayati sepenuhnya oleh seluruh bangsa Malaysia untuk menanam keyakinan diri.

Untuk menceritakan pengalaman yang dilalui oleh Malik sepanjang renangan itu sememangnya sukar untuk diperkatakan.

Berenang tanpa henti selama hampir 18 jam adalah sesuatu yang amat payah untuk dilakukan, lebih-lebih lagi melalui lautan yang penuh dengan pelbagai cabaran.

Rasa kasihan dan simpati melihat beliau berenang menentang ombak dan arus deras begitu dirasakan dan jika sesiapa yang melihat peristiwa bersejarah itu, rasa sedih dan pilu pasti menyelebung perasaan.

Perjuangan yang dibuktikan oleh perenang berusia 28 tahun itu jelas membuktikan bahawa semangatnya untuk melonjakkan imej Malaysia di peta dunia begitu terserlah walaupun pada satu ketika beliau bagaikan hilang arah untuk meneruskan perjuangan.

Begitupun, hasratnya untuk menyempurnakan misi itu diteruskan walau berhadapan dengan maut sekalipun.

Beliau terus berpegang kepada pendiriannya sebelum memulakan renangan itu yang meminta rakan-rakannya mahupun jurulatihnya supaya jangan mengangkat beliau dari laut sebelum beliau mati.

"Saya telah berjanji kepada Datuk Hishammuddin bahawa saya tidak akan membenarkan sesiapa untuk mengangkat saya dari laut sebelum saya mati,"

jelas Malik.

Setelah bergelumang dalam keadaan laut yang penuh dengan cabaran yang boleh mengundang maut, Malik akhirnya berjaya melangkah kakinya di garisan penamat di pantai Wissant, Calais.

Detik tiga pagi (waktu Malaysia), maka tercatatlah sejarah. Malik menapak kakinya di Wissant sebagai tanda menjadi rakyat Malaysia dan Asia Tenggara merentasi Selat Inggeris.

Kejayaan beliau terus diraikan oleh rakyat Malaysia di London dan malam tadi satu majlis kesyukuran diadakan khusus untuk Malik.

Pagi tadi Malik menerima dua surat penghargaan, satu daripada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamlullail dan satu lagi daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengucapkan tahniah atas kejayaan beliau.

Malik akan pulang ke tanah air malam Khamis ini dan dijangka tiba di KLIA pada pukul 5.30 petang, hari Jumaat.

-- BERNAMA

AHA RW PR